

BAB 2

TINJAUAN KAJIAN BERKAITAN

Pengenalan

Peranan dan tanggungjawab guru dalam perlaksanaan kurikulum adalah besar dan berat. Guru merupakan orang yang terutama yang melaksanakan polisi pendidikan untuk anak didik negara. Tidak kira betapa canggih sesuatu inovasi pendidikan, betapa maju sesuatu sistem sokongan, akhirnya, gurulah akan menentukan pelaksanaannya. Pernyataan di bawah ini mungkin dapat menjelaskan mengapa banyak kajian tentang keberkesanan guru telah dijalankan.

No matter how good an educational innovation is and how adequate and advanced is the support system, it is the teachers who have the final say about what exactly is being taught and how it is taught (Mohd. Majid Konting, 1995).

Sungguhpun usaha mengajar oleh guru memberi impak terhadap pembelajaran pelajar (Good dan Brophy, 1986 ; Brown & Atkins, 1990), tetapi penaksiran terhadap pengajaran adalah rumit . Pelajar juga ada bertanggungjawab terhadap pembelajarannya.

Mengikut perkembangan pembelajaran berpusatkan pelajar, pelajar dikatakan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pembelajarannya sendiri. Guru hanya berperanan sebagai fasilitator. Maka sesetengah pendidik berpendapat bahawa ia adalah tidak logik kalau disebut pengajaran yang baik (*good teaching*) kerana kadang-kadang guru tidak mengajar mengikut erti kata sebenar "mengajar". Malahan, pengajaran guru yang baik tidak menjamin kejayaan pembelajaran pelajar. Walaupun begitu, pengajaran guru dalam bilik darjah sedikit sebanyak memberi kesan kepada pembelajaran pelajar.

Hakikat menunjuk bahawa pelajar pergi ke sekolah untuk belajar kerana adanya guru di sekolah untuk mengajar, baik mengajar secara langsung atau tidak langsung. Maka segala usaha guru dalam bilik darjah, baik bentuk didaktik, ekspositori ataupun penemuan (*discovery*), ditaksirkan sebagai pengajaran guru. Dan pelajar yang datang ke sekolah sememangnya berhajat untuk belajar. Oleh itu, kajian ini menganggap pelajar sebagai insan proaktif. Maka, pandangan pelajar dikaji.

Pengajaran yang Berkesan

Secara amnya, kajian tentang pengajaran yang berkesan yang bersabit dengan mata pelajaran kajian sosial adalah terhad . Ini kerana kajian yang tercatat kebanyakannya sama ada tiada asas teori yang kukuh ataupun menggunakan metodologi kajian yang tidak betul (Armento 1991). Maka perbincangan awal tentang pengajaran berkesan diterangkan secara umum sahaja.

Brown dan Atkins (1990) menganggap pengajaran yang berkesan sebagai satu proses yang kompleks dan mencabar. Sungguhpun begitu, ia merangkumi satu set kemahiran yang boleh dipelajari, diperbaiki dan dikembangkan. Malahan, ia adalah wajar bagi guru berusaha ke arah guru yang berkesan.

Pengajaran yang berkesan seharusnya mengambil kira watak pelajar. Paisey (1983) merumus bahawa guru yang berkesan perlu menguasai isi kandungan subjek yang diajar dengan baik, memahami bagaimana pelajarnya belajar serta mengetahui cara untuk mengajar. Mengikut beliau, halangan kepada keberkesaan guru termasuk kurangnya pengetahuan tentang diri guru, keupayaan peribadi, pengetahuan teknikal dan perkembangan diri. Halangan kepada keberkesaan termasuk juga kelalaian terhadap

kepentingan orang lain, tidak peka terhadap perasaan orang lain serta tingkah laku yang tidak sesuai (Paisey ,1983. h.6).

Shulman (1986) berpendapat guru yang berkesan sepatutnya menguasai tiga jenis pengetahuan , iaitu

- i) pengetahuan tentang isi kandungan mata pelajaran yang diajar (*content knowledge*).
- ii) pengetahuan tentang kaedah pengajaran secara umum (*pedagogical knowledge*) dan
- iii) pengetahuan tentang kaedah khusus untuk mengajar isi kandungan sesuatu mata pelajaran (*pedagogical/ content knowledge*).

Shulman (1987) seterusnya memperincikan pengetahuan guru kepada tujuh jenis. Ia merupakan pengetahuan yang perlu ada pada guru untuk membolehkan mereka mengajar dengan berkesan. Antaranya termasuk i) pengetahuan terhadap isi kandungan mata pelajaran ; ii) pengetahuan pedagogi – prinsip dan strategi organisasi dan pengurusan kelas ; iii) pengetahuan kurikulum – bahan dan program yang boleh membantu guru ; iv) pengetahuan isi pelajaran –usaha yang memadankan isi kandungan subjek dengan pedagogi ; v) pengetahuan tentang

pelajar ; vi) pengetahuan tentang konteks pendidikan vii) pengetahuan tentang nilai dan matlamat pendidikan.

Penguasaan isi kandungan mata pelajaran merupakan tugas utama guru. Sungguhpun guru tidak dianggap sebagai penyampai ilmu semata-mata, tetapi guru yang berilmu pengetahuan sanggup mempelbagaikan kaedah pengajarannya supaya suasana pembelajaran lebih hidup dan seronok bagi pelajar. Guru yang arif dalam bidang pengajarannya dapat menyusun isi pelajaran sebegini rupa supaya pelajar dapat memahami. Dan guru yang berilmu biasanya lebih berkeyakinan. Tetapi guru yang berhajat untuk menjadi guru yang berkesan harus sabar dan tekun. Brophy (1991) mengatakan bahawa "*true expertise in teaching any topic typically requires in-depth conceptual knowledge of the subject matter plus many years of experience in teaching it*".

Sungguhpun pengajaran aktif oleh guru amat penting untuk membantu pelajarnya belajar. Akan tetapi Brown dan Atkins (1990) berpendapat usaha guru yang membantu pelajarnya belajar dan mengingati pelajaran adalah tidak kurang penting. Dengan itu, mereka menyarankan bahawa cara yang tidak langsung tetapi lebih

berkesan untuk guru meningkatkan pengajaran ialah membantu dalam cara pelajar belajar.

Oleh kerana pembelajaran merupakan proses di mana pelajar mengaitkan perkara baru dengan yang lama, maka guru harus membantu pelajar untuk menjalinkan satu jaringan atau perkaitan terhadap unit-unit pengetahuan. Cebisan-cebisan ilmu yang dijaringkan dalam satu jaringan, mengurangkan beban untuk mengingati dan memudahkan pengeluaran maklumat untuk kegunaan. Kejayaan guru menggunakan kaedah yang sesuai untuk mengajar sesuatu mata pelajaran adalah kritikal untuk pengajaran berkesan.

Ausubel berpendapat bahawa setiap disiplin mempunyai rangkaian konsep yang disusun mengikut hierarki. Pada bahagian atasnya ialah konsep yang abstrak dan umum. Di bahagian bawahnya mengandungi konsep yang lebih konkret. Guru perlu mengenal pasti konsep-konsep ini kepada pelajarnya supaya ia dijadikan satu sistem memproses maklumat yang berguna kepada pelajar.

"There is a parallel between the way subject matter is organised and the way people organize knowledge in their minds each of the academic discipline has a structure of concepts or propositions, organized hierarchically , that can be

identified and taught to students. These structural concepts then become an information-processing system for the students, thus enabling them to make sense of large amounts of data (tercatat dalam Joyce & Weil , 1986. h.73).

Leinhardt (1986) dalam kajiannya yang memperbandingkan guru pakar dengan guru permulaan mendapati bahawa guru pakar melihat sesuatu pelajaran itu berhubung kait dengan pelajaran lepas. Sebaliknya, setiap pelajaran oleh guru permulaan didapati sebagai terputus-putus dan kurang jelas dengan objektif pelajarannya.

Pendek kata, guru yang berhasrat untuk mengajar dengan berkesan perlu menguasai isi kandungan mata pelajarannya, memahami cara pelajarnya belajar dan mengetahui cara / kaedah mengajar yang baik.

Sungguhpun kajian tentang guru kajian sosial yang berkesan adalah rumit dan bermasalah (Stanley, 1991). Tetapi pendidik sains sosial mendapati ada beberapa ciri umum yang menjadikan guru kajian sosial itu berkesan untuk pelbagai keadaan. Ciri-ciri kritikal yang dimaksudkan termasuk i)penguasaan pengetahuan isi kandungan mata pelajaran, ii) mengamalkan

kaedah pengajaran yang sesuai (*effective instruction*) , iii)
menggalakkan pemikiran kritikal dalam bilik darjah ,dan
iv) menggalakkan pengadilan praktikal (*practical judgement*).

Stanley (1991) mentafsirkan kajian sosial sebagai satu pengajian tentang tindakan manusia dalam dunia sosial. Aktiviti pembelajaran berlaku dalam tindakan sosial itu . Maka ciri-ciri pengajaran kajian sosial yang berkesan merangkumi kemahiran tambahan (iii) dan (iv) seperti yang tersebut di atas .

Pengajaran Geografi yang Berkesan

Geografi diterima sebagai satu sains ruangan yang memberi perhatian kepada lokasi elemen-elemen pada bumi dan perhubungan antara satu sama lain (Stoltman, 1991) . Dalam hal ini, peta banyak membantu dalam membentuk gambaran mental . Aktiviti membuat peta dan kemahiran menggunakan peta telah menjadi tradisi lama bagi penyelidikan dan pengajaran geografi. Antara kajian-kajian yang melibatkan peta termasuk: bagaimana pelajar membelajari kemahiran membuat peta; cadangan langkah – langkah membuat peta; kesan pelbagai corak peta terhadap kemahiran pelajar membaca peta; cara murid sekolah rendah mendapat maklumat daripada peta dan banyak lagi.

Varma (1987) berpendapat pengajaran geografi yang berkesan perlu merangkumi objektif-objektif seperti i) pemahaman fakta dan prinsip geografi , ii) penggunaan pengetahuan geografi untuk menyelesai masalah hidup seharian , iii) penggunaan kemahiran untuk memerhati dan menggambarkan fakta dan fenomena dalam bentuk peta , rajah ..., iv) berminat untuk mengkaji perhubungan antara manusia dan alam sekitar, v) menghayati saling bergantungnya antara manusia sesama manusia dan vi) bersikap *world-mindedness*.

Leming (1991) berpendapat bahawa kajian yang memperkaitkan perhubungan antara ciri-ciri guru dengan pencapaian pelajar dalam ujian pencapaian adalah tidak berguna kerana ia tidak mempunyai asas teori. Sungguhpun begitu, beliau bersetuju bahawa kajian tentang ciri-ciri guru dapat memberi gambaran kepada orang lain tentang nilai potensi aktiviti mengajar guru dan pengaruhnya. Ini kerana guru kajian sosial dianggap sebagai penyebar nilai sosial dan nilai sivil kepada pelajarnya.

Aspek-aspek seperti kecerdasan guru, keghairahan guru, latar belakang keluarga guru, pengalaman guru, jantina guru, orientasi politik guru, nilai profesionalisme guru, stail kognitif dan

penaakulan moral guru amat berguna untuk mengkaji pengajaran kajian sosial. Ini kerana matlamat akhir pendidikan kajian sosial ialah kewarganegaraan. Maka sikap, nilai, kelaziman minda dan tindakan sivik merupakan objektif kajian sosial yang penting.

Seterusnya Leming menyatakan pelajar yang terdedah kepada perbincangan terbuka dalam isu kontroversial akan lebih cenderung kepada sikap sistem politik yang positif. Lain kata, Leming berpendapat bahawa kajian tentang ciri-ciri guru boleh membantu dalam usaha i) memahami proses pendidikan kajian sosial dan ii) mencapai matlamat kewarganegaraan yang kritikal dan aktif.

Selain daripada ciri biografi guru yang tersebut di atas, sifat peribadi guru seperti sifat penyayang juga penting untuk menentukan keberkesanan pengajaran kajian sosial. Ini kerana pengajaran dan pembelajaran adalah saling bergantung dan patut dianggap sebagai satu konsep yang bersepadu . Armento (1991) menghuraikan sifat penyayang guru sebagai

...connected teaching or the ability to look into the eyes of student to inspire them to not only comprehend social issues but to relate to the issues and to understand them from a range of perspectives. Caring has to do with wanting to

grapple with serious issues and with feeling a commitment to take social action. (Armento , 1991. Ms 189).

Beliau seterusnya mengata bahawa sekolah dan bilik darjah adalah tempat di mana manusia menjalin perhubungan yang bermakna dan menunjukkan keprihatinan mereka. Maka sifat penyayang (atau tiadanya sifat penyayang) mempengaruhi kepercayaan, sikap, pengetahuan dan tingkah laku pelajar dan guru.

Armento juga bersetuju bahawa sifat penyayang merupakan unsur penting dalam penyelidikan tentang pengajaran kajian sosial. Ini kerana matlamat kajian sosial membabitkan iltizam untuk mengambil tindakan sosial. Dalam hal ini, sekolah diberi tugas untuk memupuk perkembangan moral dan perkembangan sosial pelajar. Sifat penyayang adalah unsur penting untuk menunaikan kewajipan ini.

Perihal pentingnya sifat penyayang dan keprihatinan guru terhadap pelajar juga disokong oleh para pendidik yang lain. Hayes, Ryan dan Zseller, (1994) berpendapat bahawa perkembangan intelek adalah berdasarkan tertunainya beberapa

keperluan emosi. Dan sifat penyayang memupuk perkembangan emosi dan intelek pada pelajar .

Pendidik yang terkenal Maslow (1987) memperkenalkan hierarki keperluan. Dalam hierarki keperluan, keperluan untuk kasih sayang adalah keperluan yang ketiga asas, iaitu selepas keperluan biologi (seperti keperluan untuk air, udara dan makanan) dan keperluan untuk keselamatan. Keperluan-keperluan lain termasuk keperluan untuk keyakinan diri, keperluan untuk intelek, keperluan untuk aestetik dan akhirnya keperluan untuk pengiktirafan diri. Keperluan intelek hanya akan tercapai setelah pelajar 'terasa" kasih sayang dan diterima oleh kelompok sosialnya.

Dalam bukunya *Schools without failure* , Glasser(1969) memperkenalkan tujuh langkah untuk menyelesaikan masalah interpersonal. Terapi kenyataannya (Reality therapy) didapati amat berguna untuk pengurusan bilik darjah. Beliau menyarankan sifat ramah dan kasih sayang sebagai satu langkah penting. Mengikut cadangannya, guru perlu menyedarkan pelajar bahawa sebagai guru anda berasa gembira untuk mendapatnya sebagai pelajar. Dan sebagai guru anda memang prihatin terhadapnya.

Pendek kata, kasih sayang dan prihatin adalah syarat asas untuk pembelajaran yang lebih baik, serta perkembangan sosial dan potensi kognitif pelajar.

Tolley dan Reynolds (1977) menyatakan tiga model pengajaran geografi yang berkait dengan persepsi psikologi pelajar. i) Model pertama ialah model penyampaian - penerimaan . Mengikut model ini pelajar dianggap sebagai organisma yang kosong. Bilik darjah direka bentuk dengan cara formal di mana meja dan kerusi diatur mengikut baris dan guru mengambil tempat dominan di depan kelas. Dengan cara demikian, penyampaian maklumat oleh guru dapat sampai terus kepada pelajar. Maklumat disampaikan melalui syarahan / kuliah dan pelajar mengambil nota yang dibaca oleh guru.

ii) Model kedua ialah model pembentukan tingkah laku. Guru menstrukturkan pembelajaran mengikut pengalaman-pengalaman lepas. Penekanan ialah untuk mengenal pasti dan mengaplikasikan konsep geografi.

iii) Model ketiga adalah model interaksi. Model ini memberi penekanan kepada individu dan guru terlibat dalam menyelesaikan masalah secara bekerjasama. Pelajar dianggap sebagai

organisma sosial. Bilik darjah direkabentuk mengikut keperluan tersebut. Perabot dalam bilik darjah diatur supaya dapat mewujudkan interaksi pelajar-pelajar dan pelajar-guru.

Daripada ketiga-tiga model yang dijelaskan di atas, model ketiga didapati sesuai dengan ciri KBSM. Ini kerana ia memberi perhatian kepada penyertaan aktif pelajar dalam suasana pembelajaran yang menyeronokkan. Interaksi antara pelajar-pelajar dan pelajar-guru merupakan aktiviti pokok pengajaran geografi. Biasanya, aktiviti yang menekankan penglibatan aktif pelajar seperti perbincangan kumpulan, pelajar bertanya, pelajar memberi pandangan, guru menyoal supaya pelajar berfikir dan sebagainya dapat dijalankan pada waktu pengajaran geografi.

Berdasarkan kajian-kajian yang tersebut di atas, maka tiga kategori yang mengandungi 26 ciri-ciri pengajaran geografi yang berkesan dirangkakan.

Kajian tentang Pengajaran Geografi yang Berkesan

Sungguhpun banyak kajian tentang keberkesanannya guru telah dibuat oleh penyelidik di luar negeri. Tetapi kajian tentang keberkesan pengajaran geografi adalah sedikit (Stanley, 1991). Di Amerika, misalnya, kajian mendapati ramai guru geografi kurang

mahir dalam isi kandungan geografi. Dapatan kajian juga menunjukkan guru tidak menggunakan kaedah yang sesuai dengan isi kandungan geografi (Ormrod dan Cole, 1996). Oleh kerana itu pelbagai usaha telah dijalankan di peringkat negeri dan kebangsaan (di Amerka) untuk meningkat pengajaran isi kandungan geografi dan kaedah pengajaran geografi kepada guru-guru melalui kursus dalam perkhidmatan (Ormrod dan Cole, 1996).

Ada beberapa kajian yang dibuat di Malaysia tentang pengajaran geografi di sekolah menengah. Tetapi kajian tentang keberkesanan pengajaran geografi adalah sedikit.

Amriah Buang (1984) mengumpul maklumat daripada para pensyarah dan ketua jabatan geografi di tiga buah universiti di Malaysia tentang program pendidikan geografi di universiti bagi guru-guru geografi.

Dapatan kajiannya menunjukkan bahawa penyelenggaraan pendidikan bagi guru geografi perlu dikaji semula dan diperbaiki dari segi "isi kandungan" dan juga pendidikan "kaedah pengajarannya".

Idris Md Noor menjalankan dua kajian pendidikan geografi di sekolah pada tahun 1988 dan 1992. Kajiannya mengenal pasti kepentingan geografi dan masalah pengajaran geografi.

Dapatan kajiannya menunjukkan bahawa guru dan pelajar sedar tentang peranan geografi dalam kehidupan seharian. Tetapi pengajaran dan pembelajaran geografi menghadapi masalah kekangan masa, skop geografi yang luas dan beban kerja akademik geografi yang berat.

Kajian yang terbaru dan berkait dengan pengajaran guru geografi di sekolah menengah dijalankan oleh Siti Fatihah Abdullah (1998). Kajiannya mengenal pasti pandangan pelajar terhadap kaedah pengajaran guru geografi KBSM tingkatan IV di daerah Seremban. Kaedah-kaedah pengajaran guru diperincikan kepada i) kaedah pengajaran , ii) kemahiran menerang dan menyampai isi pelajaran oleh guru , iii) kemahiran menyoal guru , iv) penggunaan sumber bahan pengajaran dan v) aspek dorongan dan motivasi yang diberi oleh guru geografi.

Kajian ini mendapati bahawa pelajar tingkatan IV mempunyai pandangan positif terhadap empat aspek kaedah pengajaran, iaitu pengajaran guru, kemahiran menerang dan menyampai isi pelajaran; kemahiran menyoal serta motivasi dan

dorongan guru. Akan tetapi aspek penggunaan sumber bahan pengajaran seperti gambarajah , foto, peta, glob, slaid, model dan spesimen adalah terbatas dan kurang memuaskan .